


bulletin



PERPUSTAKAAN

Universiti Teknikal Malaysia Melaka



<http://library.utem.edu.my>

ISSN 2180 - 4095

Bil. 1/2011



FOTUS

Z
675
.U5
.B85
2011
a
no.1

AN MS ISO 9001:2008 DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI
GI PROSES KERJA KE ARAH MS ISO 9001:2008



Assalamualaikum wbt. / salam 1Malaysia...

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, penerbitan Buletin Perpustakaan dapat direalisasikan.

Saya bagi pihak Jawatankuasa Sidang Redaksi mengucapkan terima kasih kepada Penaung, iaitu Ketua Pustakawan atas cetusan idea dan sokongan bagi penerbitan buletin ini. Begitu juga dengan sokongan, dokongan dan dorongan semua staf perpustakaan bagi menjayakan buletin ini.

Justeru besarlah harapan kami dari Sidang Redaksi agar segala informasi berkenaan kemudahan dan perkhidmatan di perpustakaan serta segala aktiviti terkini dapat disalurkan kepada semua warga UTeM untuk dikongsi dan dimanfaatkan bersama.

Akhir kalam, tahniah dan syabas kepada semua yang menjayakan penerbitan Buletin Perpustakaan. "Kompetensi Teras Kegemilangan"

ISI KANDUNGAN

- 3 - Pengenalan
- 4 - Pengiktirafan ISO
- 5 - Kronologi proses kerja ke arah MS ISO 9001:2008
- 6 - Lawatan kerja Universiti Nottingham
 - Taklimat kepada Pelajar Antarabangsa
 - Program Selangkah Ke Universiti
- 7 - Lawatan Berpandu Pelajar Baru
 - Bengkel Mesra Ilmu, Mesra Perpustakaan
 - Lawatan ke KLIBF 2011
- 8 - MPP, KPP, SPP
- 9 - EZ-Proxy dan Keahlian Luar
- 10 - Semak Bahan Cadangan
- 11 - Info warga perpustakaan
- 12 - Aktiviti semasa Konvokesyen UTeM

DARIMEJA KETUA EDITOR

TINTA KETUA PUSTAKAWAN

Z675.U5 .B85 2011 no.1



87516923



Assalamualaikum w.r.t dan salam sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia-nya, Perpustakaan UTeM dapat merealisasikan penerbitan buletin bagi tahun 2011. Tahniah diucapkan kepada semua yang telah memberikan komitmen dan kesungguhan untuk menjadikan impian penerbitan Buletin Perpustakaan satu realiti.

Perpustakaan merupakan satu ikon yang penting dan prioriti bagi sebuah lanskap dalam ekosistem universiti. Berpaksakan visi Perpustakaan iaitu "Menjadi Pusat Maklumat Yang Terunggul". Perpustakaan UTeM sentiasa mempromutuskan usaha untuk menyokong program pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan. Pelbagai penambahbaikan perkhidmatan telah disediakan untuk mewujudkan persekitaran yang selesa.

Perpustakaan UTeM juga sentiasa berusaha menambahbaik kualiti perkhidmatan untuk dimanfaatkan oleh seluruh warga UTeM, seiring dengan pengiktirafan pensijilan MS ISO 9001:2008 yang diterima dari Sirim pada 12 Ogos 2011. Perpustakaan juga memberikan nilai tambah berasaskan teknologi masa kini.

Akhir kata, saya menyeru dan berharap kepada semua warga UTeM agar dapat memanfaatkan segala kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan di Perpustakaan UTeM. Sebarang cadangan dan pendapat dialu-alukan untuk tujuan penambahbaikan perkhidmatan kami.

Penasihat

Hajah Faridah Haji Md Amin

Ketua Editor

Mahadir Che Ali

Editor

Arman Mohammad

Pengarang

Azman Hj. Ayup
Mohd Mawardi Badruddin
Hasliza Mohamed
Mez Zelina Yusof

Grafik & Rekabentuk

Norhairol Khalid
Azman Amir
Asmadi Daud
Hafizah Mohamad

Jurufoto

M. Jefridzain Jaafar

Pembaca Pruf

Mohd Razif Dzulklipli
Norlian Mohamed Najib

sidang redaksi



Pengenalan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ditubuhkan selaras dengan penjenamaan semula Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di bawah Seksyen 8 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) menerusi Perintah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Pemerbadanan 2007) yang telah diwartakan sebagai P.U. (A) 45/2007 pada 1 Februari 2007.

Perpustakaan UTeM berperanan sebagai pusat kecemerlangan ilmu bagi warga UTeM dan mula memberikan perkhidmatannya pada 10 Jun 2001 bersempena dengan pendaftaran pelajar perintis seramai 348 orang di Kampus Sementara di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh Melaka.

Mempunyai 3 buah Perpustakaan cawangan iaitu:

1. Perpustakaan Kampus Induk- Berkapasiti seramai 500 pengguna
2. Perpustakaan Kampus Industri- Berkapasiti seramai 400 pengguna
3. Perpustakaan Kampus Bandar- Berkapasiti seramai 73 pengguna

Sehingga akhir April 2011, koleksi Perpustakaan adalah sejumlah 81,530 judul bahan bercetak serta terdapat 5 e-buku dan 10 e-jurnal (55,054 judul). Koleksi ini meliputi bidang teras UTeM iaitu Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Pembuatan, Kejuruteraan Teknologi Maklumat & Komunikasi. Di samping itu, terdapat juga koleksi di dalam bidang sains seperti fizik, kimia, matematik dan juga bacaan am. Perkembangan sumber ilmu ini mampu memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan kepada warga universiti.

Waktu Perkhidmatan Perpustakaan

Hari	Semester	2 Minggu Sebelum & Semasa Peperiksaan	Cuti Semester
Isnin - Khamis	8.00 am - 10.00 pm	8.00 am - 10.00 pm	8.00 am - 5.00 pm
Jumaat	8.00 am - 10.00 pm	8.00 am - 10.00 pm	8.00 am - 12.15 pm 2.45 pm - 5.00 pm
Sabtu & Ahad	10.00 am - 5.00 pm	10.00 am - 10.00 pm	Tutup
Cuti Umum	Tutup	8.00 am - 10.00 pm	Tutup

A. Kampus Induk, Durian Tunggal

Hari	Semester	2 Minggu Sebelum & Semasa Peperiksaan	Cuti Semester
Isnin - Khamis	8.00 am - 10.00 pm	8.00 am - 10.00 pm	8.00 am - 5.00 pm
Jumaat	8.00 am - 10.00 pm	8.00 am - 10.00 pm	8.00 am - 12.15 pm 2.45 pm - 5.00 pm
Sabtu & Ahad	10.00 am - 5.00 pm	10.00 am - 10.00 pm	Tutup
Cuti Umum	Tutup	Tutup	Tutup

B. Kampus Industri, Ayer Keroh

Hari	Semester	2 Minggu Sebelum & Semasa Peperiksaan	Cuti Semester
Isnin - Khamis	8.00 am - 8.00 pm	8.00 am - 8.00 pm	8.00 am - 5.00 pm
Jumaat	8.00 am - 12.15 pm 2.45 pm - 8.00 pm	8.00 am - 12.15 pm 2.45 pm - 8.00 pm	8.00 am - 12.15 pm 2.45 pm - 5.00 pm
Saturday, Ahad & Cuti Umum	Tutup	Tutup	Tutup

C. Kampus Bandar, Jalan Hang Tuah

Pegawai yang boleh dihubungi:

Bahagian Teknikal

Urusan dan pertanyaan cadangan Bahan/ Buku dan Bahan Media
Arman bin Mohamad
Email: arman@utem.edu.my
Tel: 06-3316872

Hasliza binti Mohamed
Email: hasliza@utem.edu.my
Tel: 06-3316874

Majalah/ Jurnal bercetak, Pangkalan Data Atas Talian (Online Database)
Wizana bt. Abd. Jalil
Email: wizana@utem.edu.my
Tel: 06- 3316873

Penerimaan dan Tukaran Bahan Hadiah
Zaidi bin Saad
Email: zaidisaad@utem.edu.my
Tel: 06-3316864

Bahagian Perkhidmatan Pelanggan

Urusan dan pertanyaan
SPP, Pangkalan Data atas Talian, KPP, MPP
Rasida bt. Abu Bakar
Email: rasida@utem.edu.my
Tel: 06- 3316833

Peminjaman Bahan-Bahan Perpustakaan
Lain-lain kemudahan di perpustakaan
Mahadir bin Che Ali
Email: mahadir@utem.edu.my
Tel: 06- 3316827

Perkhidmatan Perpustakaan Kampus Bandar
Siti Saluwa bt. Jamal
Email: saluwa@utem.edu.my
Tel: 06-2833519

Laman Web : <http://library.utem.edu.my>



PENGIKTIRAFAN PENSIJILAN MS ISO 9001:2008 DI PERPUSTAKAAN UTeM OLEH SIRIM

Pada dekad ini, kepuasan pengguna adalah merupakan isu yang kritikal yang kerap dibincangkan dalam semua organisasi sama ada di sektor awam atau pun di sektor swasta. Dalam konteks IPTA pula, pihak kerajaan sentiasa memastikan pendidikan tinggi di negara ini diiktiraf dan berkualiti mengikut fokus masing-masing. Maka, sudah pastinya perpustakaan yang merupakan sebuah organisasi memberi perkhidmatan dalam menyokong kecemerlangan akademik pelajar yang bakal dilahirkan melalui penghasilan para graduan yang berjaya menguasai ilmu pengetahuan samada diperolehi melalui pembelajaran di dewan kuliah atau melalui pembacaan akan diaplikasikan dalam pelbagai aspek kehidupan bersama masyarakat kelak.

Di institusi pengajian tinggi, para pelajar merupakan pengguna dalaman kepada perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan. Dengan itu, pengukuran kepuasan pengguna adalah sebahagian daripada usaha yang bersepadu bagi organisasi ini untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan dan penghasilan daya saing yang kompetitif terutama bagi perpustakaan yang telah diiktiraf dan mendapat pensijilan MS ISO 9001:2008. Dalam hubungan ini MS ISO 9001:2008 boleh dikatakan sebagai 'blueprint' bagi melaksanakan inovasi dalam tindakan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan agensi berkenaan kerana organisasi akan memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan mengikut piawai yang telah ditetapkan serta disahkan sebagai ukuran yang tepat dan benar.

Di antara kelebihan pengiktirafan persijilan MS ISO 9001:2008 ini adalah semua perkhidmatan yang diberikan telah melalui pengesahan kualiti dan pengguna akan merasa yakin dan puas dan tidak perlu berasa risau atau bimbang dengan perkhidmatan yang diberikan kepada mereka. Tambahan pula, MS ISO 9001:2008 berupaya menjadikan aspek pengurusan sesebuah organisasi itu lebih cekap dan efektif menerusi prosedur kerja yang baik. Begitu juga dengan Perpustakaan UTeM yang telah diberi pengiktirafan persijilan MS ISO 9001:2008 bagi skop pengurusan perkhidmatan perpustakaan perlu mematuhi prosedur yang telah ditetapkan terlebih dahulu untuk memastikan penghasilan perkhidmatan di perpustakaan menepati keperluan piawaian yang dikehendaki pengguna. Kemampuan pihak perpustakaan untuk mematuhi semua prosedur ini dengan baik berupaya menambahkan kualiti dan mengurangkan pembaziran dalam proses penghasilan perkhidmatan kepada pengguna. Dengan itu sesuatu proses perkhidmatan yang diberikan dapat berjalan dengan lancar dengan tidak berlaku sebarang pembaziran masa.

Bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan benar-benar efisien seiring dengan dasar kualiti Perpustakaan UTeM iaitu 'komited untuk memberikan perkhidmatan secara profesional, efisien, berkualiti dan mesra pengguna dengan mengutamakan kepuasan pelanggan serta berusaha ke arah penambahbaikan yang berterusan". Pihak Perpustakaan akan akan terus berusaha untuk mengekalkan mutu perkhidmatan yang diberikan dengan baik bagi memastikan komitmen dalam penyampaian perkhidmatan yang berkualiti serta akan sentiasa bersedia membuat perubahan dan penambahbaikan dalam proses kerja dari masa ke semasa. Justeru itu, sekalung tahniah dan syabas kepada semua warga kerja Pejabat Perpustakaan yang telah bertungkus lumus selama dua (2) tahun.



Sesungguhnya pengiktirafan ini adalah merupakan kejayaan kepada semua staf atas segala kesabaran, komitmen, kerjasama dan sesungguhnya dalam menjayakan Pensijilan MS ISO 9001:2008 sepertimana yang telah dirancang. Adalah diharapkan agar semua warga kerja Perpustakaan menjadikan kejayaan ini sebagai penanda aras bagi meningkatkan kualiti kerja dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna-pengguna perpustakaan.

Berkat keikhlasan ini juga, semua cabaran dan halangan dapat dituntaskan bagi tujuan meningkatkan kualiti kerja dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna Perpustakaan. Pada 12 Ogos 2011 secara rasmi Pejabat Perpustakaan UTeM telah menerima pengiktirafan Pensijilan MS ISO 9001:2008 dari pihak SIRIM dengan no pendaftaran AR5489. Pengiktirafan ini amat bermakna kerana Perpustakaan UTeM merupakan PTJ pertama di UTeM yang telah menerima pengiktirafan bagi persijilan berprestij ini tanpa menggunakan khidmat konsultansi. Pengiktirafan ini juga membuktikan bahawa perpustakaan UTeM mempunyai sistem kerja dan proses yang didokumenkan, dilaksanakan dan dikawal mengikut piawaian antarabangsa disamping mempraktikkan amalan kerja yang teratur dan sistematik. Ini membuktikan pejabat perpustakaan mempunyai pelaksanaan sistem yang standard serta mampu memberikan perkhidmatan yang konsisten kepada pelanggan.





KRONOLOGI PROSES KERJA KE ARAH PENSIJILAN MS ISO 9001 : 2008

PEJABAT PERPUSTAKAAN

TAHUN 2009		
TARIKH	AKTIVITI	PENCERAMAH/AHLI PANEL
27 Feb 2009	Bengkel Susulan Perbincangan &	Puan Hjh. Faridah bt. Hj. Md Amin (Ketua Pustakawan, UTeM)
20 Ogos 2009	Bengkel Susulan Pengemaskinian Dasar & Proses Kerja Terbaru ISO Pejabat Perpustakaan	Puan Hjh. Faridah bt. Hj. Md Amin
23 – 24 Dis 2009	Bengkel Kesedaran & Kepentingan Dokumentasi Standard ISO Perpustakaan	Puan Rusliza bt. Yaacob (Tim. Ketua Pustakawan, UPSI)
22 Jun 09	Mesyuarat Pelaksanaan Proses Kerja Dokumen ISO Pejabat Perpustakaan	Dipengerusikan oleh : Ketua Pustakawan
TAHUN 2010		
21 April 2010	Taklimat Asas dan Bengkel Penstrukturan Dokumen Manual Kualiti bagi Proses Dokumen ISO Perpustakaan	Puan Hjh. Faridah bt. Hj. Md Amin (Ketua Pustakawan, UTeM)
29 Mei 2010	Bengkel Susulan 1 Penstrukturan Dokumen Manual Kualiti bagi Proses Dokumen ISO Perpustakaan	Puan Hjh. Faridah bt. Hj. Md Amin (Ketua Pustakawan, UTeM)
1 Jun 2010	Bengkel Susulan 2 Penstrukturan Dokumen Manual Kualiti bagi Proses Dokumen ISO Perpustakaan	Puan Hjh. Faridah bt. Hj. Md Amin (Ketua Pustakawan, UTeM)
16 Jun 2010	Bengkel Pemantapan Dokumen Manual Kualiti & Dokumen Prosedur Baru ISO Perpustakaan	Puan Hjh. Faridah bt. Hj. Md Amin (Ketua Pustakawan, UTeM)
22 Dis 2010	Audit Dalaman	1) Prof. Madya Norhaziah bt. Md Salleh (FTMK) 2) Dr. Syed Najmuddin b. Syed Hassan (Pengarah PPP)
TAHUN 2011		
17 & 18 Mac 2011	SIRIM Initial Certification Audit, Stage 2 (Puan Aine Jamaliah & Puan Parimala)	1) Puan Aine Jamaliah bt. Mohd Zain 2) Puan Parimala Devi Ganesan (SIRIM)
19 April 2011	Audit Dalaman Perpustakaan kali ke-2	1) En. Samsul b. Samdin (Pusat Komputer) 2) Puan Mazura bt. Hamzah (Pusat Komputer) 3) En. Mohamad Suhaimi b. Abdullah (Pusat Komputer) 4) En. Ainuddin b. Abu Kasim (Pejabat Pembangunan)
21 Julai 2011	Taklimat Audit Dalaman Dan Kawalan Dokumen Pejabat Perpustakaan	Puan Hjh. Faridah bt. Hj. Md Amin (Ketua Pustakawan, UTeM)
23 Julai 2011	Kursus Kawalan Dokumen MS ISO 9001 : 2008	Puan Hayati bt. Omar (TOMC (M) Sdn. Bhd.)
12 Ogos 2011	Menerima Pengiktirafan Pensijilan MS ISO 9001 : 2008 dari SIRIM	
20 Ogos 2011	Hantar Dokumen ISO	




Lawatan Kerja Ke Perpustakaan Universiti Nottingham, Kampus Malaysia.

Perpustakaan UTeM telah mengadakan satu lawatan kerja ke Perpustakaan Universiti Nottingham, Kampus Malaysia di Semenyih, Selangor pada 17 Februari 2011 yang lalu. Lawatan kerja ini diketuai oleh Ketua Pustakawan UTeM dan diiringi oleh 10 orang Pustakawan. Rombongan ini telah diberi taklimat oleh Puan Khan Quay Kin selaku Ketua Pustakawan dan Perkhidmatan Maklumat. Antara objektif lawatan kerja ini adalah memberi pendedahan serta menjana idea mengenai kemudahan, aktiviti dan perkhidmatan perpustakaan terkini. Di samping itu, tujuan lawatan kerja ini adalah menjalin kerjasama dan perkongsian maklumat antara perpustakaan dan melihat kemudahan serta perkhidmatan bagi tujuan penambahbaikan di Perpustakaan UTeM. Rombongan lawatan juga telah dibawa untuk melihat keseluruhan ruang bangunan perpustakaan tersebut. Terima kasih kepada pihak tuan rumah di atas layanan mesra yang telah diberikan.



Taklimat Kepada Pelajar-Pelajar Antarabangsa



Pada 09 September 2011, satu taklimat telah diadakan kepada pelajar antarabangsa. Taklimat ini telah diadakan di Bilik Pangkalan Perpustakaan UTeM dan dikendalikan oleh Unit Rujukan dengan kehadiran seramai 33 orang dari pelbagai fakulti. Para pelajar tersebut telah didedahkan mengenai perkhidmatan perpustakaan termasuk mengakses pangkalan data dari luar kampus. Juga didedahkan mengenai soalan peperiksaan semester lepas yang boleh diakses secara 'online'. Para pelajar juga dibawa untuk melawat perpustakaan serta kemudahan yang disediakan. Taklimat seperti ini akan diadakan dari masa ke semasa kerana ia bertujuan untuk memberikan maklumat perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan serta membimbing pelajar dalam strategi pencarian maklumat dengan lebih cekap dan berkesan melalui WebOPAC, pangkalan data lain-lain sumber bagi mengoptimumkan penggunaan bahan perpustakaan.

Program Selangkah Ke Universiti

Program Selangkah ke Universiti anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan 14 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah memilih Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sebagai hos Zon Selatan. Program ini telah diadakan pada 21 September 2011 dan tetamu kehormat adalah YABhg. Puan Seri Norainee binti Abdul Rahman, isteri YAB Timbalan Perdana Menteri dan merupakan TYDP BAKTI. Perpustakaan UTeM juga dipilih sebagai salah satu tempat yang dilawati oleh peserta rombongan tersebut. Dianggarkan seramai 350 orang pelajar tingkatan 4 dari pelbagai sekolah menengah telah diberi taklimat ringkas berkaitan perpustakaan dan dibawa untuk melawat perpustakaan. Objektif utama program ini adalah bagi memberi peluang kepada para pelajar luar Bandar untuk menjalani proses penerapan dan pendedahan kampus supaya mereka lebih mengenali kehidupan sebagai mahasiswa di universiti kelak.





Lawatan Berpandu Pelajar Baru

Seramai 250 orang pelajar baru pengajian diploma semester 1 sesi 2011/2012 telah menghadiri taklimat ringkas penggunaan perpustakaan di Perpustakaan UTeM pada 3 Jun 2011.

Taklimat ringkas ini disampaikan oleh para pustakawan di Unit Rujukan mengikut kelompok pelajar yang hadir pada hari tersebut. Selain taklimat ringkas, para pelajar yang mengikut lawatan berpandu ini dimaklumkan tentang perkhidmatan dan koleksi perpustakaan serta peraturan yang perlu dipatuhi setiap kali mengunjungi perpustakaan.

Sesi taklimat ringkas dan lawatan berpandu ini diadakan pada sebelah pagi dengan bantuan fasilitator-fasilitator Minggu Haluan Siswa. Dengan adanya program seperti ini, para pelajar baru akan lebih peka dengan kemudahan yang disediakan oleh pihak UTeM.



Bengkel Mesra Ilmu, Mesra Perpustakaan



Perpustakaan dengan kerjasama Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Bengkel Mesra Ilmu, Mesra Perpustakaan pada 25 Julai 2011 di Bilik Tayangan, Aras 2, Perpustakaan UTeM. Bengkel ini dihadiri kira-kira 50 orang staf perpustakaan dari pelbagai unit yang bertujuan untuk meningkatkan strategi mempromosikan penggunaan perpustakaan di kalangan pengguna.

Bengkel Mesra Ilmu, Mesra Perpustakaan dikendalikan oleh Encik Mohd Fathrulrizam Said, Pustakawan Kanan dari Perpustakaan Jabatan Perdana Menteri (JPM). Beliau menyampaikan ceramah bertajuk 'Kaitan Membaca dan Fungsi Perpustakaan', 'Strategi Menarik Minat Staf dan Pelajar Ke Perpustakaan' dan 'Strategi Mempromosi Perkhidmatan Dan Kemudahan Perpustakaan' sepanjang bengkel berlangsung.

Di dalam bengkel ini, peserta dibahagikan kepada lima kumpulan dan setiap kumpulan membincangkan pelan pemasaran perkhidmatan perpustakaan berdasarkan tajuk-tajuk yang disediakan iaitu:

- Kumpulan 1 - Meningkatkan Penggunaan Kelas Pendidikan Pengguna.
- Kumpulan 2 - Mempromosi Keahlian Luar.
- Kumpulan 3 - Menggalakkan Pengguna Ke Perpustakaan.
- Kumpulan 4 - Menggalakkan Penggunaan Pangkalan Data.
- Kumpulan 5 - Pemasaran Kemudahan Perpustakaan.

Semua kumpulan membentangkan dapatan daripada perbincangan kumpulan kepada semua peserta. Di penghujung sesi, Puan Hjh Faridah Hj. Md. Amin, Ketua Pustakawan Perpustakaan UTeM menyampaikan cenderahati kepada Encik Mohd Fathrulrizam Said sebagai tanda penghargaan.

Semoga staf dapat menggunakan segala ilmu yang diterima untuk mempromosikan perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna agar lebih ramai pengguna mengunjungi perpustakaan pada masa hadapan.


Lawatan Ke KLIBF 2011

Pada 25 April 2011, seramai 16 orang staf akademik dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan telah menghadiri Kuala Lumpur International Book Fair 2011 (KLIBF) yang diadakan di Putra World Trade Centre, Kuala Lumpur.

Lawatan sehari ke pesta buku ini bertujuan untuk membuat pemilihan buku-buku baru bagi membangunkan koleksi perpustakaan untuk rujukan pengguna khususnya di Perpustakaan Kampus Industri yang menempatkan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

Sejumlah 13 pembekal buku dan 4 orang staf Unit Perolehan Buku bersama-sama membantu menguruskan proses pemilihan buku tersebut yang bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang.

Dengan adanya aktiviti sebegini, ia dapat mempereratkan kerjasama di antara staf akademik dengan pihak perpustakaan dalam memantapkan koleksi perpustakaan dari masa ke semasa bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran di UTeM.






Meja Penasihat Pengguna (MPP)

Meja Penasihat Pengguna merupakan salah satu perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Perpustakaan UTeM bagi membolehkan pengguna berhubung secara terus dengan Pustakawan yang bertugas bagi mendapatkan panduan penggunaan kemudahan & perkhidmatan perpustakaan, pertanyaan rujukan dan kaedah pencarian bahan yang sesuai dengan keperluan pengguna. Seiring dengan visi, misi dan piagam pelanggan perpustakaan, Pustakawan yang bertugas akan mengenalpasti keperluan sebenar pengguna sebelum mencadangkan beberapa sumber maklumat yang boleh digunakan.

Pengoperasian Meja Penasihat Pengguna adalah mengikut waktu perkhidmatan perpustakaan dan hanya terdapat di Perpustakaan Kampus Induk (Aras 1) sahaja. Antara panduan penggunaan & perkhidmatan perpustakaan yang disediakan adalah seperti penggunaan katalog atas talian (WebOPAC), pengaksesan pangkalan data, pinjaman antara perpustakaan dan lain-lain. Staf akademik yang ingin mencadangkan bahan bagi koleksi perpustakaan juga boleh menyalurkan cadangan di Meja Penasihat Pengguna sebelum diserahkan kepada Unit Perolehan bagi tindakan seterusnya. Selain daripada Meja Penasihat Pengguna, sumber lain yang boleh digunakan oleh pengguna bagi berhubung dengan pihak perpustakaan adalah di portal perpustakaan iaitu di 'User Account' dan 'Ask Librarian' (<http://library.utem.edu.my>), di 'facebook' (Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka) dan juga melalui emel (library@utem.edu.my).




Kelas Pendidikan Pengguna (KPP)

Perpustakaan UTeM ada menyediakan Kelas Pendidikan Pengguna (KPP) anjuran Unit Rujukan Maklumat untuk setiap fakulti. Antara objektif kelas ini diadakan adalah untuk mempertingkatkan kemahiran penggunaan Perpustakaan melalui pendedahan kepada berbagai jenis koleksi atau bahan serta perkhidmatan yang terdapat di Perpustakaan. Selain itu, ia juga diharapkan dapat mendedahkan pengguna kepada penggunaan katalog atas talian perpustakaan (WebOPAC) untuk mendapatkan maklumat dan bahan sama ada dari sumber bercetak atau digital.

1. Terbuka kepada semua pelajar baru dan tahun akhir UTeM
2. Penekanan kepada kaedah asas menggunakan perpustakaan dan koleksi yang terdapat di Perpustakaan UTeM
3. Format kelas merangkumi taklimat dan lawatan berpandu
4. Anggaran bilangan peserta ialah seramai 60 orang.
5. Kelas juga boleh diadakan mengikut permintaan pensyarah

Perpustakaan UTeM amat mengalu-alukan penyertaan anda dalam kelas kemahiran ini. Sebarang kemusykilan mengenai pendaftaran dan sebagainya sila berhubung terus dengan Cik Rasida Abu Bakar di talian 3316833 atau emel kepada rasida@utem.edu.my.



Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)

Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) merupakan satu perkhidmatan yang berasaskan perkongsian maklumat bagi perpustakaan di Malaysia. Perkhidmatan ini membolehkan pelanggan meminjam bahan asal atau memperolehi bahan salinan yang tidak terdapat di Perpustakaan UTeM. Permohonan hanya dibenarkan bagi tujuan tugas, pengajaran dan penyelidikan sahaja. Perkhidmatan ini juga dikenali sebagai Pinjaman Antara Perpustakaan.

Perkhidmatan ini diberikan kepada semua pengguna perpustakaan yang terdiri daripada staf akademik, staf pengurusan/pentadbiran, pelajar, pembantu penyelidik dan pegawai penyelidik di UTeM kecuali staf akademik yang sedang melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar UTeM. Borang permohonan Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) boleh didapati di Meja Penasihat Pengguna (MPP) atau di Kaunter Sirkulasi. Semua maklumat mengenai bahan yang dimohon hendaklah diisi dengan lengkap dan tepat. Status permohonan akan dimaklumkan melalui e-mel atau telefon.

Tempoh pembekalan bahan adalah 14 hari selepas tarikh dimohon, namun bahan yang susah diperolehi akan mengambil masa. Walaubagaimanapun, ia bergantung kepada perpustakaan yang membekalkan bahan. Bagi buku, tempoh peminjaman bahan tersebut bergantung kepada pihak perpustakaan yang memberikan pinjaman. Bagi melanjutkan tempoh peminjaman, pengguna perlulah memaklumkan kepada Perpustakaan UTeM supaya pihak kami dapat memaklumkan kepada pihak yang memberikan pinjaman untuk melanjutkan tempoh peminjaman bahan tersebut.

Pemohon perlu menghormati dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh institusi pembekal bagi memastikan kerjasama antara perpustakaan dapat dikekalkan. Pemohon dikehendaki menyimpan semua maklumat pinjaman dan memastikan mengambil dan memulangkan bahan yang dipinjam dengan segera (Pinjaman buku dibenarkan selama 2 minggu, tetapi sila kembalikan 5 hari sebelum tempoh pinjaman tamat). Pengguna bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan atau kerosakan bahan yang dipinjam dan perlu melaporkan dengan segera sekiranya bahan didapati rosak. Kadar denda akan ditentukan oleh perpustakaan pembekal. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: Cik Rasida Binti Abu Bakar, Pustakawan Kanan Unit Rujukan di talian 06-331 6833 dan di e-mel: rasida@utem.edu.my



Facebook rasmi Perpustakaan UTeM telah diwujudkan pada Jun 2010. Sehingga Oktober 2011, Facebook Perpustakaan UTeM telah disertai seramai 863 peminat Facebook. Diharapkan melalui medium ini, pihak Perpustakaan dapat menyalurkan pelbagai maklumat perkhidmatan dan kemudahan terkini kepada pengguna Perpustakaan dari masa ke semasa serta membantu pengguna mendapatkan maklumat Perpustakaan.



KATEGORI KEANGGOTAAN DALAM UTeM

Keanggotaan Perpustakaan UTeM Mengikut Kategori Bagi Tempoh 5 tahun (2007 - 2011)


Kategori Keahlian	2007	2008	2009	2010	2011
Pegawai Kanan Universiti / Pensyarah	48	37	408	41	6
Jurutera Pengajar	3	4	24	9	3
Tutor / Guru Bahasa	9	15	29	23	1
Staf Pentadbiran	47	65	72	21	11
Pegawai Penyelidik	-	-	-	-	-
Pembantu Penyelidik	2	4	5	3	1
Pembantu Penyelidik	43	94	640	88	160
Pelajar Pasca Ijazah 9 Doktor Falsafah / Sarjana)	1,308	2,230	4,484	2,300	2,700
Pelajar Sarjana Muda	331	713	392	210	958
Peserta Kursus	-	-	-	-	-
Jumlah	1,791	3,162	6,054	2,695	3,840
Pas Harian yang Dikeluarkan	-	-	-	-	-

PANDUAN MENGGUNAKAN PANGKALAN DATA ATAS TALIAN DI LUAR KAWASAN UTEM MENGGUNAKAN EZ-PROXY


1. Layari Portal Perpustakaan <<http://library.utm.edu.my>>Pilih ikon ez-proxy.



2. Di paparan UTeM Library Proxy, masukkan No. Pelajar/No. Staff dan No. KP untuk login.



3. Tersenarai di paparan senarai pangkalan data atas talian serta Soalan Peperiksaan.



KEAHLIAN LUAR

- Ahli luar adalah ahli yang **BUKAN** terdiri dari kategori ahli tetap.
- Keahlian dan yuran adalah berdasarkan tahunan.
- Keahlian untuk ahli luar terbahagi kepada 2, iaitu:
 - Keahlian Merujuk** : Merupakan keahlian perpustakaan di mana seseorang individu dibenarkan untuk membuat rujukan bahan bercetak, bahan media dan pangkalan data elektronik di dalam perpustakaan sahaja.
 - Keahlian Meminjam** : Merupakan keahlian perpustakaan di mana seseorang individu dibenarkan membuat rujukan bahan bercetak, bahan media dan pangkalan data elektronik di dalam perpustakaan sahaja dan membuat pinjaman selain bahan yang diklasifikasikan sebagai rujukan.
- Bayaran mengikut jenis keahlian.

Pendaftaran

Pendaftaran & Kad Keahlian	Jenis keahlian	
	Merujuk (RM)	Merujuk & Meminjam (RM)
	10.00	10.00

Yuran tahunan (tidak akan dikembalikan)

KATEGORI	JENIS KEAHLIAN	
	Merujuk (RM)	Meminjam (RM)
Pelajar IPTA	Bawa Kad Pelajar	200.00 + Yuran Tahunan Merujuk
Pelajar IPTS	30.00	
Kakitangan Kerajaan	50.00	
Institusi Kerajaan (3 Orang)	30.00	
Institusi Korporat	100.00	
Orang Perseorangan	30.00	
ALUMNI	50.00	
Pelajar Sekolah	Surat Pengesahan dari Pengetua Sekolah	

Kelayakan Dan Penalti

Perkara	Kelayakan Dan Penalti
Bilangan buku boleh dipinjam	2 naskah
Tempoh pinjaman	14 hari
Kadar denda	RM 0.50 sen sehari
Kehilangan bahan pinjaman	1. Ganti buku edisi terkini dan bayaran proses sebanyak RM25.00 dikecualikan atau; 2. Bayar harga buku edisi terkini dan bayaran proses RM25.00 serta denda lewat (jika ada) atau; 3. Sekiranya bahan lama yang tidak dapat dikesan harganya, bahan terbitan tempatan dibayar RM40.00, manakala bahan terbitan luar Negara RM150.00 termasuk bayaran proses.



How Do You Check Your Book Suggestion Through Online?




Visit the Library Portal at <http://library.utem.edu.my> and click User Account

1 Login to Patron Login <-> Insert your ID (Staff/ Student Card Number) and password.




2 Make sure that your ID and password is correct. Click Item Request



3 Select the titles of the books you wish to view. Click that title

No	Request Date	Requested Item Title	Request Type	Status
21	27/11/2006	Corporate finance core principles and applications	Acquisitions	LOCAL ORDER - FULL RECEIPT
22	27/11/2006	Operational management: contemporary concepts and cases	Acquisitions	LOCAL ORDER - FULL RECEIPT
23	27/11/2006	Marketing for profit and for market share	Acquisitions	LOCAL ORDER - FULL RECEIPT
24	27/11/2006	Workforce entrepreneurship	Acquisitions	LOCAL ORDER - FULL RECEIPT
25	27/11/2006	Risk leadership	Acquisitions	LOCAL ORDER - FULL RECEIPT
26	27/11/2006	Decision making: V. data to better results	Acquisitions	LOCAL ORDER - FULL RECEIPT
27	27/11/2006	Creating breakthrough innovations	Acquisitions	LOCAL ORDER - FULL RECEIPT
28	27/11/2006	Making smart decisions	Acquisitions	LOCAL ORDER - FULL RECEIPT
29	27/11/2006	What the best and a wine	Acquisitions	LOCAL ORDER - FULL RECEIPT
30	27/11/2006	Executive challenge	Acquisitions	LOCAL ORDER - FULL RECEIPT
31	27/11/2006	Corporate communication	Acquisitions	LOCAL ORDER - FULL RECEIPT
32	27/11/2006	Strategic information how to transform strategic objectives into measurable results	Acquisitions	LOCAL ORDER - FULL RECEIPT
33	27/11/2006	Introduction to information systems	Acquisitions	LOCAL ORDER - FULL RECEIPT

4 Requested Item Details <-> appear. Check Request Status* . Copy ISBN Number and go to Library UTeM webOPAC.



* Request Item Status:

LOCAL ORDER: **FULL RECEIPT**
(Books Received by the Library)

PURCHASE ORDER SEND
(Books Not Yet Receive by the Library)

5 At Library UTeM WebOPAC <-> . Do as directed below. Paste ISBN Number at search Text Column . Click search.



6 Query Result appear. Also show call number of that book. Just click title if want to see more information (status, location, copy etc.)



Good Luck!

-Unit Perolehan Buku



Anugerah & Penghargaan

Tahniah kepada empat staf Perpustakaan iaitu Aziana binti M Bahrim, Noorlizawati binti Kamis, Fauziah binti Hassan & Amir Hafizuddin bin A. Bakar yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010 pada Majlis Hari Kualiti 2011 yang telah diadakan pada 18 Mei 2011 di Dewan Besar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Semoga anugerah ini dapat memberikan semangat kepada rakan sekerja yang lain untuk menyumbangkan keringat dan komitmen untuk memastikan kecemerlangan universiti terus menjadi aspirasi utama.

Kuiz Kakitangan

Tahniah diucapkan kepada staf Perpustakaan yang telah mengambil bahagian di dalam aktiviti yang dianjurkan oleh jabatan lain sebagai tanda menyokong aktiviti peringkat Universiti :

- 24/03/2011, Noorlizawati binti Kamis & Ahmad Abu Bakar telah memenangi pertandingan Kuiz Q Siri 3/ 2010, Anjuran Pusat Jaminan Kualiti & Akreditasi.

- 15/06/2011, Jumakyah Yacoob & Siti Syahirah Ab. Rahim telah memenangi pertandingan Teka Silang Kata Jawi Isra' Mikraj Anjuran Pusat Islam

- 27/07/2011, Kamariah binti Kamis telah memenangi pertandingan Kuiz Q Siri 1/ 2011, Anjuran Pusat Jaminan Kualiti & Akreditasi.

- Ogos 2011, Noorlizawati binti Kamis & Jumakyah binti Yacoob telah memenangi pertandingan Kuiz Ramadhan 1432 H, Anjuran Pusat Islam

Pertukaran & Pelantikan

- Tahniah diucapkan kepada Aziana binti Bahrim di atas kenaikan pangkat daripada (S17) kepada (N27) dan telah bertukar ke Pusat Jaminan Kualiti & Akreditasi

- Pertambahan staf baru iaitu tujuh staf sokongan (Mohd Syahrizal Mohd Razali – Unit Rujukan, Mohd Zulfadli Razaly & Eijsaa Ahyead – Unit Pengindeksan, Ahmad Tarmizi Abdul Hadi- Unit Latihan, Kualiti & Tugas-tugas Khas, Hafizah Mohamad – Unit Automasi, Mohd Hannif Jamaludin –Unit Perolehan Buku, Norfaradilla Idayu Ab. Ghafar – Unit Hadiah & Pertukaran

- Selamat datang kepada tiga Pustakawan baru iaitu Mohd Razif Dzulklipli, Mez Zelina Yusof dan Norshahila Che Din.

Perkahwinan & Kelahiran Anak

1) Tahniah kepada staf Perpustakaan yang telah melangsungkan perkahwinan

- 28/01/2011 – Noraini Mohd Noor & Muhammad Afiz Ahmad
- 25/03/2011 – Nor Aini Md. Jali & Mohd Shahrom Mat Desa
- 14/05/2011 – Mohd Siddiq Azizi Jais & Siti Nadiyah Othman
- 01/07/2011 – Mohd Tirmidzi Abdullah & Nurul Adhwa Rauf

2) Tahniah, semoga kehadiran cahayamata ini akan menambahkan lagi keceriaan dalam keluarga.

- 12/05/2011 : Nor Fazlin Tamby Chek (*Aisy Gibrael Putra Shairulzam*)
- 14/05/2011 : Noorafzahizad Abdul Latif (*Damia Tan*)
- 14/06/2011 : Suzana Lazim (*Aliyatul Ridhah Mohd Zabri*)
- 23/09/2011 : Zulaiha Mohd Ali (*Rayyan Mikail Mohamad l'sah*)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pencapaian Dalam Sukan

Syabas diucapkan kepada gabungan Perpustakaan dan Pusat Bahasa & Pembangunan Insan (LIBAS) yang telah meraih kejayaan dalam Sukan Antara Jabatan 2011 bagi menyahut seruan Naib Canselor UTeM iaitu 'Amalan gaya hidup sihat'.

Bil	Pingat	Acara	Atlet
1	Emas	Boling Padang	Zulkarnaen Mahat, Ahmad Abu Bakar, Mohd Mawardi Badruddin, Mohd Effendi Rajali, Fatilah Ramly & Hasliza Mohamed.
		Karom	Ahmad Abu Bakar, Mohamad Rashid Jantan, Noorafzahizad Abdul Latif, Fatilah Ramly, Nor Aini Md Jali, Thaqif Mohd Isa
2	Perak	Dart	Mohamad Rashid Jantan
3	Gangsa	Ping Pong	Ahmad Abu Bakar, Mohamad Rashid Jantan, Abdul Halim Abdul Mokte, Thaqif Mohd Isa, Mohd Nazir Taib, Mohd Nizam Yusof (PBPI), F. Haslinda Harun, Nor Aini Md Jali, Hasliza Mohamed.
		Boling Tenpin	Mahadir Che Ali, Ahmad Abu Bakar, Norhairol Khalid, Fatilah Ramly, Noraini Mohd Noor, Norlian Mohamed Najib.
		Olahraga Lelaki 200 M	Zaidi Saad
		Olahraga Wanita 200M	Hasliza Mohamed
		Olahraga 4x100M	Hasliza Mohamed, Fatilah Ramly, Nooraidillah Rasdi, Norziyana Hanipah.
4	Ke- Empat	Olahraga Lempar Cakera Wanita	Mi Azian Abdul Karim
		Bola Tampar Lelaki Olahraga Tarik Tali Lelaki	

MUTIARA KATA

Kecantikan yang abadi terletak pada keelokkan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan terletak pada wajah dan pakaiannya. (Hamka).

Mahkota adab dan sopan santun lebih tinggi nilainya daripada mahkota yang bertabhtakan ratna dan mutu manikam. (Budiman).

Pergaulan mempengaruhi didikan otak. Oleh itu, untuk kebersihan jiwa hendaklah bergaul dengan orang-orang beradab dan berbudi mulia yang dapat kita kutip manfaatnya. (Hamka).

Kata Hukama, "Hendaklah adab sopan anak-anak itu dibentuk sejak kecil kerana ketika kecil mudah membentuk dan mengasuhnya. Belum dirosakkan oleh adat kebiasaan yang sukar ditinggalkan. (Hamka).

Bertambah kuat kepercayaan kepada agama, bertambah tinggi darjatnya di dalam pergaulan hidup, dan bertambah naik tingkahlaku dan akal budinya. (Hamka).

Undang-undang adab dan budi pekerti membentuk kemerdekaan bekerja. Undang-undang akal membentuk kemerdekaan berfikir. Dengan jalan menambah kecerdasan akal, bertambah murnilah kemerdekaan berfikir. (Hamka).